

ASAS KEUSAHAWAN  
(ETR 300)

MEGACOM ENTERPRISE

JUALAN & SERVIS KOMPUTER

UTM KAMPUS MELAKA  
SESI JUN - NOV 1999



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 14hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963

06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Khairin Nur b. Khalid	96099029
2.	Shahrizan b. Hassan	96709785
3.	Arif Adzwan b. Mohd Ali	97163219
4.	Mohd Ismail b. Mohamad Anip	97083507
5.	Muhammad Ikhwan b. Abdullah	97083585

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**AZIZAH DOLAH**  
Ketua Kursus DIA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

# **SURAT PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN**

## **PERNIAGAAN**

Pelajar Semester 5

Universiti Teknologi Mara

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Pn. Anita Bt. Jamil

Pensyarah ETR 300

Universiti Teknologi Mara

Km 26, Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Puan

### Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara di atas, kami ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan yang bertajuk MEGACOM Enterprise kepada puan selaku penasihat.


Rancangan Perniagaan ini meliputi latar belakang perniagaan, rakan kongsi, rancangan pentadbiran, rancangan kewangan, rancangan operasi, rancangan pemasaran dan aspek-aspek lain sebagai untuk memenuhi syarat bagi mata pelajaran ETR 300.

Untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan ini, kami telah berusaha sedaya- upaya untuk memberikan yang terbaik. Ia telah memberi kami pendedahan tentang dunia usahawan dan pengalaman baru yang amat berharga buat kami di masa hadapan sekiranya mahu membuka perniagaan sendiri.

Akhir sekali kami berharap Rancangan Perniagaan ini mencapai matlamat dan memenuhi kehendak puan. Terima kasih atas tunjuk ajar dan sokongan yang telah puan berikan dan kami begitu menghargainya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



---

( MUHAMMAD IKHWAN BIN ABDULLAH )

Ketua Kumpulan,

MEGACOM Enterprise.

## **PENGENALAN KEPADA SYARIKAT**

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang mencabar. Ia memerlukan ketabahan, kerajinan dan usaha yang berterusan sebelum mencapai matlamat yang diinginkan. Selain usaha, keyakinan terhadap Allah S.W.T. juga penting bagi menjamin kejayaan seseorang itu. Kami barisan pemuda yang bersedia menyahut sebarang cabaran telah bersatu hati untuk menubuhkan sebuah perusahaan yang diberi nama MEGACOM Enterprise.

MEGACOM Enterprise merupakan syarikat perkongsian yang terdiri daripada lima rakan kongsi. Ia merupakan perniagaan yang menjual komponen-komponen komputer dan menyediakan perkhidmatan servis komputer kepada para pelanggan. Penubuhan syarikat ini adalah hasil daripada kekurangan pengusaha bumiputera yang menceburi bidang ini. Tambahan pula perusahaan ini menyediakan peluang yang begitu luas untuk diceburi.

Justeru itu kami begitu yakin bahawa perusahaan ini mempunyai potensi yang cerah serta mendatangkan pulangan yang agak baik. Oleh itu, kami telah mengkaji serta mengatur beberapa strategi bagi membolehkan kami mencapai matlamat tersebut. Kami telah memilih lokasi yang strategik iaitu di: No. 19, Jalan Penggawa U1/74, Taman Perindustrian Batu Tiga, 41050 Shah Alam.